

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**
17 APRIL 2020

PERKARA : 5(B)(XVI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

21. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai keazaman politik serta wawasan untuk membangunkan semula PPR Padang Tembak memandangkan Kerajaan Negeri PH telah diberi mandat sebanyak 3 penggal?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri telah merangka rancangan pembangunan jangka panjang secara pembaharuan semula bandar (*urban regeneration*) bagi skim-skim perumahan awam yang lama seperti Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah pelan pemindahan penduduk, reka bentuk, ketumpatan dan kemudahan baru yang perlu disediakan di kawasan yang akan dibangunkan semula ini. Pembangunan semula bandar bagi Rumah Pangsa Padang Tembak memerlukan kajian menyeluruh mengambil kira aspek perundangan hakmilik strata, ketumpatan, komitmen kewangan sebelum dapat diputuskan di mana aspek perundangan perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh Kerajaan Pusat. Perlu diambil maklum bahawa jumlah unit kediaman milikan individu di Padang Tembak adalah sebanyak 2,832 unit dan ini memerlukan komitmen kewangan yang besar sekiranya pampasan atau unit gantian perlu disediakan. Permohonan projek ini telah dimajukan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia ke Dua Belas bagi membiayai kos pembangunan semula.